

Negara Teluk nilai semula landskap strategi susulan perang Iran

NIZAM ISMAIL
nizam@sph.com.sg

Negara-negara Teluk dijangka mempercepat usaha memperkuh keselamatan serantau, mempelbagaikan laluan tenaga dan mengurangkan pergantungan pada laluan maritim strategik.

Ini susulan perang Amerika Syarikat-Israel-Iran, kata beberapa pakar semasa Persidangan Tahunan Institut Timur Tengah (MEI) pada 23 Jun lalu.

Penganalisis yang berucap dalam acara, MEI di Universiti Nasional Singapura (NUS) 2026 berkata konflik itu telah mengubah secara mendalam landskap strategik rantau Teluk.

Ia berlaku selepas Iran memperluas serangan bukan sahaja terhadap sasaran ketenteraan, malah turut menyasarkan prasarana awam, kemudahan tenaga dan rangkaian logistik di rantau tersebut.

KESAN GEOPOLITIK, EKONOMI

Persidangan bertema, "Teluk Parsi Selepas Perang Amerika-Israel-Iran", itu membincangkan kesan geopolitik dan ekonomi jangka panjang konflik berkenaan termasuk masa depan Selat Hormuz, hubungan negara Teluk-Iran serta peranan kuasa besar seperti Amerika dan China.

Mengendalikan sesi itu, Penyelidik Kanan MEI NUS, Dr Jean-Loup Samaan, berkata rantau Timur Tengah kini berada dalam keadaan tidak menentu dengan perkembangan yang berubah hampir setiap hari.

"Suatu hari Amerika berkata perjanjian damai hampir dicapai, kemudian Iran menafikannya, kemudian satu pihak melancarkan serangan udara terhadap pihak lain," katanya.

Panel tersebut menampilkan Profesor Pengajian Timur Tengah dan Islam Universiti New York, Profesor Arang Keshavarzian; Profesor Universiti Kuwait merangkap Zamil Chatham House, Dr Bader Al-Saif; serta Presiden Pusat Dasar Amiriah, Dr Ebtesam Alketbi.

Antara tumpuan utama perbincangan adalah bagaimana

perang tersebut mengubah persepsi negara Teluk terhadap Iran dan keselamatan serantau.

Dr Alketbi berkata negara Teluk terkejut dengan skala serangan Iran walaupun hubungan antara Teheran dengan negara Teluk semakin reda sejak beberapa tahun lalu menerusi pelbagai usaha diplomatik.

"Kami memberi jaminan kepada Iran bahawa kami tidak akan menyerang mereka, kami mengurangkan ketegangan dan menjalinkan hubungan lebih baik, tetapi apa yang berlaku benar-benar mengejutkan," katanya.

Menurut beliau, Iran melancarkan ratusan dron dan peluru berpandu ke arah negara Teluk sejurus sahaja konflik terdeteksi, termasuk terhadap lapangan terbang, saluran paip tenaga, pelabuhan dan kemudahan petrokimia.

Menurutnya, serangan tersebut memaksa negara Teluk menilai semula andaian utama yang selama ini menyokong model pembangunan ekonomi mereka.

Beliau berkata ekonomi Teluk selama ini bergantung kepada keyakinan bahawa eksport tenaga akan terus stabil; bandar seperti Dubai dan Doha kekal selamat sebagai hab perniagaan sejagat; serta perlindungan keselamatan Amerika mampu menghalang perang besar daripada merebak ke rantau itu.

"Serangan ini mencabar semua andaian tersebut," katanya.

Menurut Dr Alketbi, negara Teluk kini dijangka memberi tumpuan lebih besar kepada sistem pertahanan peluru berpandu, pertahanan antidron, keselamatan siber dan perlindungan prasarana kritikal.

DIALOG DENGAN IRAN

Namun, beliau menegaskan rantau itu tidak seharusnya terus terperangkap dalam kitaran peperangan berterusan.

"Kami sudah penat dengan peperangan. Saya tidak fikir rantau ini mahu terus hidup dalam konflik," katanya.

Menurut Dr Bader, negara Teluk perlu meneruskan dialog dengan Iran sambil memperkuh kerjasama serantau dan da-



“Jika ada satu pengajaran daripada konflik ini, ia adalah bahawa terdapat had sebenar terhadap kepemimpinan sejagat Amerika ketika ini.”

Profesor Arang Keshavarzian, Profesor Pengajian Timur Tengah dan Islam Universiti New York.

“Kami memberi jaminan kepada Iran bahawa kami tidak akan menyerang mereka, kami mengurangkan ketegangan dan menjalinkan hubungan lebih baik, tetapi apa yang berlaku benar-benar mengejutkan.”

Dr Ebtesam Alketbi, Presiden Pusat Dasar Amiriah.

ya tahan nasional.

Beliau berkata penyelesaian jangka panjang tidak boleh bergantung sepenuhnya pada kuasa luar.

Masa depan Selat Hormuz turut menjadi antara isu utama yang dibincangkan dalam panel tersebut.

Laluan strategik itu, yang menjadi laluan penting penghantaran minyak dan gas dunia, menjadi tumpuan selepas Iran mengancam menutup selat tersebut dan mengenakan "bayaran transit" kepada kapal yang melaluinya.

Dr Bader berkata negara Teluk kini mempercepat usaha mempelbagaikan laluan perdagangan dan tenaga bagi mengurangkan pergantungan pada Selat Hormuz.

Beliau merujuk pada saluran paip, Habshan-Fujairah, di Amiriah Arab Bersatu (UAE) dan koridor pengangkutan timur-barat Arab Saudi sebagai contoh usaha mengurangkan risiko terha-

dap laluan maritim strategik.

TIMUR TENGAH BERDEPAN KETIDAKSTABILAN

Profesor Keshavarzian mengingatkan bahawa ramai pihak terlalu cepat membuat kesimpulan pemerintah Iran akan runtuh atau berubah secara mendadak.

Menurut beliau, sistem politik Iran kekal kukuh kerana ia telah berakar dalam institusi negara walaupun ramai pemimpin kanan dan komander ketenteraan terbunuh dalam konflik tersebut.

Beliau berkata persoalan lebih besar ialah bagaimana institusi politik dan keselamatan Iran akan berubah dan menyesuaikan diri dalam beberapa tahun akan datang.

"Republik Islam Iran diperintah secara bersama," katanya.

Profesor Keshavarzian turut berpendapat perang tersebut menunjukkan kelemahan sistem keselamatan serantau sedia ada

yang terlalu bergantung kepada Amerika.

"Jika ada satu pengajaran daripada konflik ini, ia adalah terdapat had sebenar terhadap kepemimpinan sejagat Amerika ketika ini," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata sebarang struktur keselamatan baharu di Timur Tengah tidak akan berjaya tanpa melibatkan Iran dan negara Teluk.

Walaupun hubungan antara Iran dengan negara Teluk masih dipenuhi rasa curiga, beberapa ahli panel berkata rantau itu tiada pilihan selain meneruskan dialog dan mencari bentuk kerjasama baharu.

Panel itu berakhir dengan pandangan bahawa walaupun perang tersebut meningkatkan ketegangan dan ketidakstabilan serantau, ia pada masa sama menunjukkan betapa mendesaknya keperluan bagi negara Teluk dan Iran membina satu kerangka keselamatan serantau yang lebih mampan pada masa depan.

Pelbagaikan laluan tenaga dan kurangi pergantungan pada laluan maritim strategik

Ahli panel Persidangan Tahunan Institut Timur Tengah (MEI) Universiti Nasional Singapura (NUS) 2026 semasa sesi soal jawab di Hotel Orchard pada 23 Jun 2026. Dari kiri, Profesor Arang Keshavarzian dari Universiti New York; Dr Bader Al-Saif dari Universiti Kuwait; moderator Dr Jean-Loup Samaan dari MEI NUS; dan Presiden Pusat Dasar Amiriah, Dr Ebtesam Alketbi – Foto BH oleh NIZAM ISMAIL